

SOALAN NO : 167

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM
[SUNGAI SIPUT]**

SOALAN

TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan status terkini Cadangan Pembinaan Jalan dari Bawong ke Pos Poi dan Pos Piah. Serta dari Pos Piah ke Pos Kemar.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan telah meluluskan peruntukan berjumlah RM93.0 juta bagi pelaksanaan Projek Membina Jalan Perhubungan Desa Dari KOA Bawong, Kuala Kangsar Ke RPS Kemar, Hulu Perak pada tahun 2021.

Jajaran jalan tersebut akan menghubungkan KOA Bawong – KOA Terhem – POS Poi – KOA Gerol – KOA Chat – KOA Piah – KOA Teras – KOA Gentes – RPS Kemar sepanjang 63 kilometer. Pelaksanaan projek ini dijangka akan dapat memberi manfaat merangkumi aspek ekonomi, infrastruktur, sosial, pendidikan dan kesihatan kepada 7,680 orang masyarakat Orang Asli di kawasan tersebut.

Kementerian melalui Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) telah melantik Jabatan Kerja Raya (JKR) sebagai Agensi Pelaksana dan Pembayar projek ini. Pada ketika ini JKR sedang melaksanakan kerja-kerja rekabentuk konsep dan projek ini dijangkakan akan diiklankan pada bulan Januari 2022.